



فجابه فغاره تانه دان كالمين ترغكانو

**PEJABAT PENGARAH TANAH DAN GALIAN  
TERENGGANU.**

TINGKAT 7 DAN 11, WISMA DARUL IMAN.  
20576 KUALA TERENGGANU

Telefon : 09-623 1957 samb. 6335 - 6343 / 6411 - 6424 Faks : 09-622 9887 / 09-631 0078



PTG.TR.00/40/1995//01/02 jld 3 ( 2 )

20 November 2011

24 Zulhijjah 1432

Pentadbir Tanah,  
**KUALA TERENGGANU**

Pentadbir Tanah,  
**KEMAMAN**

Pentadbir Tanah,  
**DUNGUN**

Pentadbir Tanah,  
**BESUT**

Pentadbir Tanah,  
**HULU TERENGGANU**

Pentadbir Tanah,  
**MARANG**

Pentadbir Tanah,  
**SETIU**

Tuan,

**ARAHAN PENGARAH TANAH DAN GALIAN TERENGGANU BIL.2/2011**

**PEMANSUHAN KEPERLUAN MENGEMUKAKAN LAPORAN POLIS SEBAGAI DOKUMEN  
SOKONGAN BAGI PROSES PENGGANTIAN KEHILANGAN DAN KEROSAKAN GERAN  
TANAH**

**1. TUJUAN**

Arahan ini dikeluarkan untuk memaklumkan kepada semua Pentadbir Tanah berhubung pemansuhan keperluan mengemukakan laporan polis dalam urusan penggantian kehilangan dan kerosakan geran tanah.



## **2. LATARBELAKANG**

- 2.1. Ini adalah berdasarkan Pekeliling Am Bilangan 3 Tahun 2011 yang telah dikeluarkan oleh Jabatan Perdana Menteri melalui Ketua Setiausaha Negara yang mula berkuatkuasa pemakaiannya 29 September 2011.
- 2.2. Pekeliling am ini bertujuan untuk memaklumkan agensi-agensi Kerajaan mengenai keputusan Kerajaan memansuhkan keperluan orang awam untuk mengemukakan laporan polis bagi urusan – urusan Kerajaan yang laporan polis tersebut tidak merupakan suatu kehendak undang-undang, serta tindakan susulan yang perlu diambil untuk melaksanakan keputusan tersebut.
- 2.3. Penggantian kehilangan dan kerosakan geran tanah adalah antara urusan yang mana pengemukakan laporan polis berhubung dengannya tidak dikehendaki secara undang-undang.

## **3. PERLAKSANAAN**

- 3.1 Untuk memastikan keputusan ini dilaksanakan sepenuhnya, semua agensi Kerajaan adalah diminta memansuhkan amalam mensyaratkan orang awam membuat laporan polis dan mengemukakan sebagai dokumen sokongan dalam menyelesaikan urusan mereka dengan agensi Kerajaan melainkan terdapat keperluan dari segi undang-undang untuk berbuat demikian.
- 3.2 Agensi Kerajaan hendaklah mematuhi dan melaksanakan keputusan ini melalui tindakan berikut:
  - 3.1.1 mengenalpasti urusan yang memerlukan orang awam mengemukakan laporan polis kepada agensi Kerajaan terbabit mengikut keperluan yang diperuntukkan dalam undang-undang;

- 3.1.2 memansuhkan keperluan membuat laporan polis bagi urusan Kerajaan yang tidak terikat dengan mana mana keperluan undang-undang dan tidak memberi nilai tambah kepada penyampaian perkhidmatan Kerajaan; dan
- 3.1.3 memaklumkan dan menghebahkan kepada orang awam mengenai pelaksanaan keputusan ini.
- 3.2 Walau apapun pekeliling ini tidak menghalang orang awam dari membuat laporan polis dan mana mana agensi Kerajaan tidak boleh menghalang orang awam dari membuat laporan polis.

#### **4. PEMAKAIAN DAN TARIKH KUATKUASA**

Arahan ini hendaklah digunapakai di seluruh Pejabat Tanah Daerah di dalam Negeri Terengganu dan mula berkuatkuasa daripada tarikh arahan ini dikeluarkan.

Sekian, terima kasih.

**"MERAKYATKAN PENTADBIRAN DAN PEMBANGUNAN"**

**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**

Saya yang menurut perintah,

  
**(DATO'TUAN MAMAT BIN TUAN NGAH)**  
Pengarah Tanah dan Galian,  
Terengganu

s.k

Yang Berhormat,  
Setiausaha Kerajaan Negeri,  
**TERENGGANU**

Timbalan Pengarah Tanah dan Galian,  
(Khidmat Pengurusan),  
**TERENGGANU**

Timbalan Pengarah Tanah dan Galian,  
(Pendaftaran),  
**TERENGGANU**

Ketua Penolong Pengarah Tanah dan Galian (Pendaftaran dan Hakmilik),  
**TERENGGANU**

Penolong Pengarah Tanah dan Galian (Pelupusan Tanah dan Galian),  
**TERENGGANU**

Penolong Pengarah Tanah dan Galian(Hasil),  
**TERENGGANU**

Penolong Pengarah Tanah dan Galian (Kuatkuasa),  
**TERENGGANU**

Pegawai Undang-Undang  
Pejabat Pengarah Tanah dan Galian,  
**TERENGGANU**



PTG.TR.00/40/1995//01/02 jld 3